




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **180 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,723 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di Kota Kinabalu dan satu (1) kes di Kota Belud. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai **317** pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah **48,360** orang. Sejumlah 1,420 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 557 orang di hospital, 861 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 70 orang dan 22 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dilaporkan.

- 4 Pada hari ini, **satu (1)** kluster baharu dilaporkan:

**Kluster Hulu Jerocco di Kinabatangan** mencatatkan 9 kes positif COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 29 kes. Kes indeks merupakan seorang pekerja ladang yang dikesan positif COVID-19 hasil saringan PERKESO. Saringan kontak rapat dan tempat kerja, mendapat 28 kes lagi positif COVID-19 telah dikesan melalui ujian RTK Ag dan rt-PCR. Aktiviti pengesanan masih diteruskan ke ladang-ladang milik syarikat yang sama.

- 5 Daripada 180 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 126 kes (70%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 18 kes (10%), saringan kluster baharu dan sedia ada 12 kes (6.7%), kluster PERKESO sembilan (9) kes (5%) dan 15 kes (8.3%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,078 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,111 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 23.24%.

## B PEMBUKAAN SEKTOR PERUNCITAN

- 1 Bagi memastikan kelangsungan ekonomi khususnya kepada para peniaga kecil, Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan sektor seperti berikut beroperasi dengan pematuhan SOP yang ketat selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan:
- Kedai pakaian, fesyen dan aksesori
  - Kedai Kasut
  - Kedai barang fotografi/ perkhidmatan fotografi
  - Kedai barang terpakai
  - Kedai bunga/ nurseri
  - Kedai kraftangan dan cenderahati
  - Kedai antik
  - Kedai alat permainan
  - Kedai permaidani
  - Kedai kandungan kreatif/ peralatan industri kreatif
  - Kedai outdoor
  - Kedai peralatan sukan
  - Barang rumah dan peralatan dapur
  - Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi
  - Kedai tembakau
  - Kedai aksesori kenderaan
  - Restoran (dine-in)
  - Ar-Rahnu

2 SOP am bagi pembukaan sektor-sektor ini adalah seperti berikut:

- Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi.
- Mewajibkan pekerja dan pelanggan memakai pelitup muka (*face mask*) semasa berada di dalam premis.
- Pelanggan dengan suhu  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas tidak dibenarkan untuk masuk ke dalam premis.
- *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk ke premis.
- Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis.
- Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan secara manual atau aplikasi MySejahtera.
- Penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis.
- Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu-satu masa.
- Digalakkan membuat bayaran secara elektronik.
- Bagi kedai pakaian, pemilik premis perlu menyediakan sarung tangan pakai buang kepada pelanggan untuk memilih pakaian.
- Bagi kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi, hanya aktiviti jual beli sahaja dibenarkan. Rundingan secara bersemuka serta penggunaan *cosmetic testers* adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Bagi kedai barang fotografi/ perkhidmatan fotografi, penggunaan studio hanya melibatkan seorang pelanggan dan jurugambar sahaja. Penggunaan studio penggambaran (kecuali perkhidmatan gambar passport, visa dan lesen) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- **Kebenaran ini akan bermula pada 10 Februari 2021.**

## C OPERASI KEDAI MAKAN

Kerajaan Negeri bersetuju penjualan makanan dibenarkan secara *dine-in*, bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran bermula **jam 6.00 pagi sehingga jam 10.00 malam.**

- *Dine-in* dihadkan kepada dua (2) orang satu meja dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- Pemilik restoran juga perlu memberi tugasan kepada sekurang-kurangnya seorang pekerja bagi premis yang membenarkan *dine-in* untuk memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis.
- Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan.
- Penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis.
- Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu-satu masa.
- **Kebenaran ini berkuat kuasa esok, 10 Februari 2021.**

## D SEKTOR INDUSTRI KREATIF

Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk membenarkan sektor industri kreatif beroperasi dengan pematuhan SOP yang ketat dan senarai sektor ini adalah seperti berikut:

- Produksi Animasi / Muzik
- Pasca-Produksi di Studio
- Pembangunan Muzik Secara Digital
- Rakaman Lagu di Studio
- Pra-Produksi Penggambaran
- Penggambaran di Studio (merangkumi drama, telemovie, iklan, dokumentari, sitcom, livestreaming, rakaman kebudayaan, seni dan warisan) tanpa penonton
- **Kebenaran ini berkuatkuasa 10 Februari 2021.**

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga 09 Februari 2021, sejumlah **14,099** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 50 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 32,730 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 58 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 63 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 360 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 82 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, satu (1) tangkapan dibuat oleh APMM di bawah Akta Perikanan 1985.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu Daerah Kota Kinabalu dan Daerah Keningau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 114 lokasi melibatkan 15 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 494 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.90%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Belud	94%
2	Tenom	94%
3	Beluran	94%
4	Kunak	94%
5	Kota Kinabalu	93%
6	Kinabatangan	93%
7	Beaufort	93%
8	Kota Marudu	93%
9	Keningau	93%
10	Tuaran	93%
11	Sandakan	93%
12	Sipitang	93%
13	Ranau	93%
14	Lahad Datu	93%
15	Kudat	92%
16	Tawau	92%
17	Papar	92%
18	Semporna	92%
19	Penampang	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
09 Februari 2021**